

24/09/2003

BN hanya pilih bakal calon berwibawa, rajin bekerja

Mutazar Abd Ghani

BUTTERWORTH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menggariskan beberapa kriteria yang akan dijadikan pertimbangan dalam pemilihan calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata kriteria itu termasuk berwibawa dan sanggup bekerja untuk rakyat.

"Calon mesti sanggup kerja sungguh-sungguh, tak boleh sambil lewa. Kalau tak sanggup, bukan wakil rakyat," katanya sambil menambah beliau belum mempunyai senarai calon yang akan dipilih nanti.

Beliau berkata demikian pada persidangan video bersama pemimpin Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dalam kawasan Parlimen Kepala Batas di sini, semalam.

Persidangan video itu yang kedua dikelolakan Pejabat Daerah Seberang Prai Utara (SPU), bertujuan memberi peluang kepada ahli JKKK dalam Parlimen Kelapa Batas untuk berinteraksi dan mengemukakan sebarang masalah kepada Abdullah, selaku Ahli Parlimen kawasan itu.

Pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno minggu lalu, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, timbalannya yang akan mengambil alih kepemimpinan Umno, akan menentukan calon pilihan raya umum akan datang.

Menjawab soalan daripada salah seorang wakil JKKK, Abdullah bersetuju dengan cadangan supaya persidangan video diadakan lebih kerap dan diperluaskan ke kawasan lain.

"Ini memang satu cadangan baik kerana kita dapat lebih kerap berinteraksi bagi mendengar dan sekali gus menangani sebarang masalah yang dihadapi rakyat," katanya. Turut hadir, Pegawai Daerah SPU, Datuk Abdul Ghani Ariffin.

Pada persidangan itu, Abdullah juga mahu pembangunan seimbang diwujudkan di Kepala Batas supaya masyarakat di situ tidak tersisih daripada arus pemodenan.

Timbalan Perdana Menteri berkata ia perlu dilakukan dengan bijaksana supaya semua kaum menikmati peluang terutama dalam bidang perniagaan yang bakal diperolehi daripada kepesatan pembangunan di kawasan itu.

"Tidak ada gunanya Kepala Batas dimajukan kalau rakyat tempatan tidak mendapat peluang untuk bersama-sama menikmati hasil kemajuan yang dibawa ke kawasan itu apabila peluang perniagaan direbut orang luar," katanya.

Abdullah berharap pembangunan di kawasan itu dapat dicontohi oleh penduduk di tempat lain.